

wira

PGO nadi Jabatan Bomba dan Penyelamat

Samsol Maarif tidak kisah digelar wira tidak didendang

Oleh **TERMIZI CHE ANUAR**
pengarang@utusan.com.my

BIASANYA orang ramai akan membayangkan tugas pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) lebih kepada menjadi 'hero' di sesuatu lokasi kejadian sama ada kebakaran, lemas, kemalangan mahu pun bencana alam.

Namun hakikatnya, terdapat satu cawangan penting yang menjadi nadi dalam organisasi tersebut yang memastikan sesuatu operasi jabatan itu dapat dilaksanakan dengan lancar tanpa sebarang masalah.

Pusat Gerakan Operasi (PGO). Itulah nama yang agak asing kepada orang awam tetapi fungsi serta peranan mereka amat penting dalam memastikan JBPM dapat memberikan perkhidmatan pantas lagi berkesan bagi setiap operasi yang dijalankan.

Maka tidak hairanlah, mereka yang bertugas di PGO digelar 'wira tidak didendang' dalam pasukan berkenaan. Walaupun tidak dianggap hero, namun



SAMSOL MAARIF SAIBANI menerangkan kegunaan sistem perhubungan di antara pejabat bomba semasa temubual di Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur baru-baru ini.

Ketua PGO JBPM Kuala Lumpur, Penguasa Kanan Bomba II, Samsol Maarif Saibani, 48, tetap berbangga dengan tugasnya dalam memastikan kelancaran perjalanan pasukan itu melaksanakan setiap operasi.

Menurut anak sulung daripada lima beradik kelahiran Hutan Melintang, Perak itu, sebagai ketua di pusat berkenaan, setiap pergerakan jentera di 18 buah Balai Bomba dan Penyelamat di seluruh negara perlu dipantau dan diatur.

Jelasnya, tugas itu amat penting supaya panggilan kecemasan yang diterima dapat diselesaikan secepat mungkin.

"Kami sentiasa bergerak pantas dalam menjalankan tugas setelah menerima panggilan dengan menyusun atur pergerakan jentera yang diperlukan dalam satu-satu operasi kerana setiap panggilan kecemasan diterima akan ada orang awam yang perlu dibantu.

"Antara yang perlu dipertimbangkan termasuklah jarak sesebuah balai dengan lokasi kejadian, keadaan trafik, bilangan jentera dan anggota yang perlu dihantar.

"Kami tidak minta untuk dipanggil hero kerana sudah menjadi kewajipan pasukan ini untuk memberikan perkhidmatan terbaik," katanya kepada Mega Wira baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Samsol Maarif yang juga pemegang Ijazah Sarjana Komunikasi Korporat, Universiti Putra Malaysia (UPM) memberitahu, PGO merupakan cawangan yang meneliti segala pergerakan setiap jentera dan anggota di semua balai termasuk masa keluar, masa tiba serta tempoh masa menyelesaikan sesuatu operasi.

Sementara itu, beliau yang juga suami kepada Habibah Takril turut berkongsi pengalaman menyambut Hari Raya



SAMSOL MAARIF SAIBANI bersama keluarga semasa menyambut Hari Raya Aidilfitri di pejabatnya pada tahun lalu.

Aidilfitri bersama keluarga di balai.

"Alhamdulillah. Isteri dan enam anak saya tidak pernah merungut walaupun terpaksa berhari raya di balai kerana bertugas.

"Semua ini memberi semangat kepada saya untuk terus menabur khidmat kepada pasukan serta orang awam selagi menyarung pakaian seragam ini," ujarnya.

Semasa berkongsi kisah kerjayanya dalam JBPM, Samsol Maarif memberitahu, sebelum menyertai pasukan beruniform tersebut dirinya merupakan pegawai di Yayasan Selangor.

"Saya hanya menyertai pasukan ini pada 1 Julai 2010 ketika berumur 42 tahun dan memulakan kerjaya sebagai pegawai di Bahagian Latihan JBPM Kuala Lumpur pada 2011 setelah tamat latihan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai, Terengganu.

"Pada 2012 saya ditempatkan di PGO sebagai ketua dan sekarang saya juga merupakan Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai di sini," tambahnya.



SAMSOL MAARIF SAIBANI (enam dari kiri) bersama Pengarah Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Khirudin Drahan (enam dari kanan) bergambar bersama-sama kepimpinan Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur.